

12 JAN 2003

Mahathir-sederhana

MALAYSIA AMAN, RAKYAT BERSIKAP SEDERHANA, KATA DR MAHATHIR

KAMPAR, 12 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sentiasa berada dalam keadaan aman dan mempunyai rakyat yang bersikap sederhana serta sensitif terhadap perasaan kaum lain.

Perdana Menteri berkata, masyarakat Malaysia tidak suka sikap keterlaluan dan ekstrem serta sanggup mengorbankan sedikit kepentingan mereka demi perpaduan kaum dan kemajuan negara.

Berucap pada majlis pecah tanah kampus induk Universiti Tunku Abdul Rahman milik MCA di sini, beliau berkata upacara hari ini, contohnya, menunjukkan bahawa walaupun universiti itu dimiliki kaum Cina, kaum lain turut diberi tempat dan budaya mereka turut ditunjukkan.

Turut hadir, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Mahathir berkata keamanan amat penting ketika dunia menghadapi masalah dan kucar-kacir akibat serangan pengganas yang menyebabkan ketegangan dalam hubungan antara penganut agama yang berbeza, khususnya antara Islam dan bukan Islam.

Perdana Menteri berkata rakyat telah menerima hakikat bahawa Malaysia negara berbilang kaum dan ini menyebabkan mereka sedia hidup dalam keadaan aman dan bersama serta tidak menimbulkan rusuhan atau sengketa kaum sehingga mendorong Malaysia menjadi negara termaju di kalangan negara membangun.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, keamanan sahaja tidak mencukupi untuk membangunkan negara kerana ilmu dan pengetahuan turut diperlukan untuk mencapai hasrat itu.

"Untuk itu kita memerlukan kemudahan seperti sekolah dan universiti. Dulu kita hadkan pada universiti awam sahaja tetapi atas permintaan yang tinggi dan ramai pelajar kita terpaksa ke luar negeri, kita benarkan program berkembar dengan universiti luar," katanya.

Kini, kerajaan membuka peluang kepada universiti swasta beroperasi dengan lebih banyak lagi agar semua pelajar diberi peluang pendidikan pada kos pembelajaran yang lebih rendah kerana tidak lagi perlu ke luar negara.

"Hari ini kita mempunyai 17 universiti awam dan 17 universiti swasta. Penubuhan UTAR ini merupakan hasil pertumbuhan pesat Kolej Tunku Abdul Rahman," kata Perdana Menteri.

Katanya, beliau gembira rakyat Malaysia, terutamanya keturunan Cina, begitu bermurah hati dan memberikan sumbangan bagi mendirikan universiti itu yang akan didirikan di tanah seluas 520 hektar.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan memberi bantuan daripada segi geran permulaan untuk UTAR dan jumlahnya akan ditentukan kemudian.

Dr Mahathir berkata, beliau berharap universiti yang ditubuhkan tahun lepas itu akan mampu melahirkan graduan yang boleh menyumbang ke arah pembangunan negara, terutamanya dalam bidang sains dan matematik.

"Saya juga ingin berterima kasih kepada masyarakat Cina yang begitu mementingkan pendidikan. Ini merupakan misteri kejayaan mereka.

"Mereka sanggup pergi ke mana-mana di dunia ini untuk menuntut pelajaran. Saya diberitahu ada 250,000 pelajar dari negara China di luar negara sekarang," katanya.

Dr Mahathir juga memberi jaminan akan terus menjadi ahli Umno dan membantu Barisan Nasional selepas bersara kelak.

"Tadi Dr Ling dan Datuk Tajol beri pujian kepada saya...tapi ini bukan

majlis persaraan saya. Saya berbesar hati dan berjanji akan terus menolong setakat boleh," kata Perdana Menteri.

Katanya, beliau akan membantu penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam semua urusan pembangunan negara agar Malaysia terus mencapai kejayaan.

-- BERNAMA

AR MAI